

# **Wadah**

## **MAIPk**

EDISI 3  
2022  
BILANGAN  
**43**  
EDARAN  
PERCUMA

چلیس سان کاربون  
دعا خادت مارپیچ دار

**PENYERAHAN ZAKAT DAN WAKAF KEPADA  
DULI YANG MAHA MULIA PADUKA  
SERI SULTAN PERAK SULTAN NAZRIN  
MUIZZUDDIN SHAH**

**MAIPk PUPUK MINAT BELIA  
CEBURI BIDANG PERTANIAN**

**MAIPk TERUS GIAT  
SANTUNI ASNAF**



# Wadah

MAIPK  
Edisi Ketiga 2022 • Bil. Ke-43

## PENYERAHAN ZAKAT DAN WAKAF KEPADA DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI SULTAN PERAK

ISTANA KINTA, IPOH 18 OKTOBER 2022



Lumut Maritime Terminal Sdn. Bhd. diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Haji Mubarok Ali bin Gulam Rasul menyerahkan zakat perniagaan berjumlah RM1,338,838.41.



Ipoh Specialist Hospital Sdn. Bhd. diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Cik Yusmawati binti Salleh menyerahkan zakat perniagaan berjumlah RM488,568.78.



Perak Integrated Network Services Sdn. Bhd diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Iwan Che Wan bin Che Ismail menyerahkan zakat perniagaan berjumlah RM325,000.00.



YP Nominess Holdings Sdn Bhd diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Puan Rozita binti Ramli menyerahkan zakat berjumlah RM321,738.25.



Koperasi Anggota Kerajaan Ipoh Berhad diwakili oleh Pengurusi Koperasi Anggota Kerajaan Ipoh Berhad, Mohd Hasrizad bin Zaman menyerahkan zakat perniagaan berjumlah RM146,054.69.

**ISTANA CHANGKAT PERSEKUTUAN, KUALA LUMPUR 26 OKTOBER 2022**

Tenaga Nasional Berhad diwakili oleh Pengurus Tenaga Nasional Berhad, Dato' Sri Hasan bin Arifin menyerahkan zakat perniagaan berjumlah RM3,213,092.39.

Bank Pembangunan Malaysia Berhad diwakili oleh Ahli Jawatankuasa Syariah BPMB, Tuan Lokmanulhakim bin Hussain menyerahkan zakat perniagaan berjumlah RM507,550.00.

Maybank Islamic Berhad diwakili oleh Tuan Muhammad Ali Jinnah bin Ahmad, Ahli Jawatankuasa Syariah Maybank Islamic Berhad menyerahkan zakat perniagaan berjumlah RM498,652.45.



CIMB Islamic Berhad diwakili oleh Ketua Serantau, Sektor Awam, Kumpulan CIMB, Tuan Zainul bin Zain Hashim menyerah zakat perniagaan berjumlah RM350,000.00.

Agrobank diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, YM Tengku Ahmad Badli Shah bin Raja Hussin menyerahkan zakat perniagaan berjumlah RM243,576.97.



Telekom Malaysia Berhad diwakili oleh Pengurus Besar Telekom Malaysia Berhad, Tuan Haji Badrul Hisham bin Bahari menyerahkan zakat perniagaan berjumlah RM228,957.00.

Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif Takaful Malaysia Am Berhad, Tuan Mohamed Sabri bin Ramli memberikan sumbangan wakaf tunai berjumlah RM100,000.00.

## ISTANA CHANGKAT PERSEKUTUAN, KUALA LUMPUR 6 DISEMBER 2022



Bank Simpanan Nasional diwakili oleh Ketua Pegawai Perniagaan BSN, Mujiburrahman Abd Rashid menyerahkan zakat perniagaan dan pendapatan berjumlah RM2,310,000.00.



Affin Islamic Bank Berhad diwakili oleh Pengurus Affin Islamic Bank Berhad, Haji Musa Abdul Malek menyerahkan zakat perniagaan berjumlah RM325,000.00.



Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) diwakili oleh Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Angkasa Negeri Perak, Haji Mohd. Rosli bin Haji Basri menyerahkan zakat perniagaan berjumlah RM227,872.84.



Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad dan Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif Takaful Malaysia Keluarga Berhad, Encik Nor Azman Zainal menyerahkan zakat perniagaan berjumlah RM124,249.47

## ISTANA KINTA, IPOH 18 OKTOBER 2022



Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Haji Yahanis bin Yahya menyerahkan zakat perniagaan berjumlah RM3,609,211.09.



Felcra Berhad Wilayah Perak diwakili oleh Pengurus Besar Wilayah, Yusoff bin Razali menyerahkan zakat tanaman musim 2/2021 dan musim 1/2022 berjumlah RM1,547,020.12.



Prosontech Sdn Bhd diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Ahmad Razali bin Kamarulzaman menyerahkan zakat perniagaan berjumlah berjumlah RM510,000.00.



Koperasi Perladangan Kawasan Bagan Datoh Perak Berhad diwakili oleh Pengerusi Koperasi Perladangan Kawasan Bagan Datoh Perak, Haji Salleh Hudin bin Kamarudin menyerahkan zakat perniagaan berjumlah RM486,393.03.



Pertubuhan Peladang Kawasan Hutan Melintang diwakili oleh Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Kawasan Hutan Melintang, Haji Khairuddin bin Haji Tarmizi menyerahkan zakat perniagaan berjumlah RM135,735.00.



**TITAH  
DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN  
SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH**

***PELANGCARAN BUKU :  
‘KORUPSI DAN KEMUNAFIKAN DALAM POLITIK MELAYU’***

**TARIKH: 25 SAFAR 1444 / 22 SEPTEMBER 2022 (KHAMIS)**

**JAM: 10.00 PAGI**

**TEMPAT: KUMPULAN KARANGKRAF, SEKSYEN 15,  
SHAH ALAM.**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam Sejahtera.

‘KORUPSI DAN KEMUNAFIKAN DALAM POLITIK MELAYU: PERLUNYA DISEGERAKAN TRANSFORMASI MORAL-ETIKA’ dihasilkan oleh Profesor Emeritus Tan Sri Dr. M. Kamal Hassan sebagai sumbangan menyokong kempen memerangi rasuh yang digerakkan oleh Rasuh Busters, bermula pada tahun 2021.<sup>1</sup> Penulis memilih menukilkan pada halaman pembukaan buku, kata-kata Penyair Mesir, Ahmad Shauqi Bey, petikan:

“Bangsa-bangsa akan kekal selagi akhlak mereka utuh; apabila akhlak mereka sudah rosak, mereka pun akan musnah”

2. Terdapat elemen keselarian kata-kata Ahmad Shauqi dengan ayat 53 Surah Al-Anfal yang bermaksud:

“... sesungguhnya Allah sekali-kali tidak akan mengubah sesuatu nikmat yang telah dianugerahkan Nya kepada sesuatu kaum, hingga kaum itu mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri,...”

(Surah Al-Anfal 8:53)

Juga dengan ayat 11, Surah Ar-Rad yang bermaksud:

“... Sesungguhnya Allah tidak mengubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka mengubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri...”

(Surah Ar Rad 13:11)

3. Dalam prakata buku, terkandung catatan yang mencerminkan rasa jjik, marah danmuak penulis dengan dua fenomena dalam masyarakat Muslim di Malaysia masa kini:<sup>2</sup>

Pertama: Korupsi politik dan kemunafikan parti-parti politik Melayu dan ahli politik.

Kedua: Perpecahan dan fragmentasi politik dalam masyarakat Muslim yang telah membawa negara kepada keadaan paling memalukan dengan politik yang tidak bermoral dan tidak beretika, di samping perpecahan masyarakat Muslim yang parah.<sup>3</sup>

Kata penulis, “Budaya politik, sistem politik, tingkah laku politik Melayu yang sudah menjadi korup ditambah pula dengan perpecahan dalam yang semakin melebar memerlukan langkah-langkah transformasi yang komprehensif, asasi dan segera...

...langkah-langkah transformasi itu mestilah berlaku pada tahap yang paling asasi – ia itu pada tahap kesedaran kerohanian, moral dan etika (yang terbit dari hati/kalbu) para pemimpin, pengikut, kader-kader dan penyokong politik...

Satu paradigma transformasi kepimpinan yang baharu mesti diwujudkan kerana sistem dan paradigma kepimpinan yang lama, pada hemat saya (penulis), telah ternyata gagal dengan akibat-akibat yang sangat negatif ke atas umat Islam dan negara Malaysia”<sup>4</sup>

4. Penulis memilih dua kata kunci, korupsi dan kemunafikan, secara berani, mengaitkandua kata kunci tersebut dengan politik Melayu, sebagai tajuk buku. Orang Melayu, untuk sekarang lama, dikenali dengan budaya berkias, bertamsil, berbarat dan bergurindam. Kerana mahu menjaga hati dan perasaan, orang Melayu lazimnya amat berhati-hati ketika mahu menyuarakan teguran, malah bersedia memukul anak sendiri meskipun marahnya pada menantu. Sesungguhnya, pendekatan penulis, merupakan pendekatan baharu di luar norma – di luar kotak budaya bangsa. Penulis berkemungkinan menghadapi risiko tidak disenangi oleh sebahagian daripada masyarakat Melayu, terutama yang terasa pedasnya cili. Namun penulis bersedia menghadapi risiko tersebut kerana mahu bangsanya disentakkan, agar bangun dari lena dan leka; semoga segera sedar bahawa bangsanya dan negaranya sedang menghadapi virus penyakit yang sangat memudaratkannya jauh lebih berbahaya daripada serangan virus Covid-19.

5. Beta memilih menumpukan huraiyan mengenai rasuh. Rasuh ditakrifkan sebagai perbuatan salah guna kuasa untuk memperkaya atau memberikan kelebihan kepada individu, anggota keluarga, dan keluan rapat ketika seseorang itu diamanahkan dengan tanggungjawab untuk mentadbir urus sumber awam. Profesor Emiratus Dr. Petrus Van Duyne, penyelidik tersohor menjah ekonomi,

<sup>1</sup> M. Kamal Hassan, Korupsi dan Kemunafikan Dalam Politik Melayu; Perlunya Disegerakan Transformasi Moral-Etika, (Kuala Lumpur: Emir Research, 2022) hlm xvii.

<sup>2</sup> Ibid hlm. xvii

<sup>3</sup> Ibid hlm. xviii

<sup>4</sup> Ibid hlm. xix-xx

penyeludupan wang dan rasuah dari Tilburg University mentakrifkan rasuah secara saintifik:

*Corruption is an improbity or decay in the decision-making process in which a decision-maker consents to deviate or demands deviation from the criterion which should rule his or her decision-making, in exchange for a reward or for the promise or expectation of a reward, while these motives influencing his or her decision-making cannot be part of the justification of the decision.<sup>5</sup>*

Transparency International menggariskan misi:

*Corruption undermines good government, fundamentally distorts public policy, leads to the misallocation of resources, and particularly hurts the poor. Controlling it is only possible with the cooperation of a wide range of stakeholders in the integrity system, including most importantly, the state, civil society, and the private sector.*

Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa Bersatu, Ban Ki-Moon pada September 2007 menyatakan:

*Corruption undermines democracy and the rule of law. It leads to violations of human rights. It erodes public trust in government. It can kill.*

6. Rasuah dikenal pasti sebagai salah satu sebab utama yang membantunkan pertumbuhan ekonomi, menghilangkan minat pelaburan asing, meningkatkan kos pentadbiran dan urus niaga, menidakan rakyat daripada mendapat perkhidmatan, serta mendorong berlakunya ketidakstabilan politik. Rasuah mengakibatkan pembangunan tidak lestari, pencemaran alam sekitar, pengagihan kekayaan tidak seimbang dan ketirisan khazanah negara. Banyak negara dianugerahi rahmat Ilahi dengan pelbagai sumber kekayaan, tetapi kerana rasuah, ada negara yang terbenam dalam kemelut kemunduran, ada negara yang tertimbur dalam lumpur kemiskinan. Kekayaan negara disalah guna – hasil mahsul lesap. Akibatnya, kemunduran terus melanda, kemiskinan terus merebak. Apabila tidak ada kesungguhan untuk membanteras rasuah, perlakuan rasuah akan tumbuh melebar, subur membesar, lalu diterima sebagai norma dan akhirnya meresap menjadi budaya, akhirnya memusnahkan sebuah negara bangsa.

7. Sesuatu penyakit akan dapat dirawat jika pesakit menyedari badannya berpenyakit, mengakuinya menghadap penyakit, bersedia membenarkan tubuh badannya dijui, diperiksa dan dinilai, terbuka menerima nasihat, teguran dan preskripsi serta lebih utama, bersedia menerima rawatan walaupun terpaksa mengambil ubat yang pahit. Rasuah ialah penyakit dalam masyarakat, penyakit bersifat barah, penyakit yang menjalar sedikit demi sedikit, merosakkan satu persatu organ organisasi, hingga akhirnya melumpuhkan organisasi dan membawa maut jika dibiarkan merebak tanpa disegerakan rawatan kemoterapi.

8. Daripada 180 buah negara yang dilakukan penilaian oleh Transparency International, Malaysia jatuh daripada kedudukan ke-57, mencatat skor 52 pada tahun 2020, ke kedudukan ke-62 mencatat skor 48, pada tahun 2021. Kini, Malaysia dikelompokkan dalam kumpulan dua pertiga negara yang mencapai skor di bawah 50.

9. Oleh yang demikian kita tidak boleh memandang ringan, bersifat leka, memilih melakukan penaflan, memikirkan segala justifikasi – bersilat dengan segala helah mahu menindakkan kewujudan gajah rasuah di hadapan mata. Penilaian keadaan rasuah, wajib dilakukan secara jujur – secara ikhlas, secara objektif – secara fakta, dijadikan bukti bahawa kita sangat serius mahu membendung, malah berhasrat mahu memerangi dan menghapuskan rasuah. Kita wajib bersifat berani mengakui, realiti sedang berlakunya amalan rasuah pada skala yang membahayakan, berdasarkan berulang kali teguran yang terkandung dalam laporan Ketua Audit Negara dan pelbagai penemuan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (Public Account Committee).

10. Di samping itu, bilangan aduan serta rungutan yang dilaporkan kepada Suruhanjaya Pencegah Rasuah serta pelbagai agensi dan jabatan, subjek yang terkandung dalam surat layang, berita yang terpapar dalam media, dan isu yang diuar-uarkan dalam media sosial, hendaklah dijadikan cermin dan dianggap petunjuk kepada situasi rasuah yang berlaku. Malah jalan raya berlopak, longkang tersumbat, bangunan runtuh, bumbung bocor, pencemaran alam, penerokaan haram, rumput dan taman yang tidak terurus, masing-masing mempunyai bahasa tersendiri, menyampaikan mesej akan standard tadbir urus yang sedang berlaku. Sikap dan tindak balas terhadap perkara berkaitan akan menentukan sama ada amalan rasuah mahu dibendung secara bersungguh atau dilakukan sekadar melepaskan batuk di tangga. Sifat responsif, segera melakukan pembetulan bukan sahaja dapat membendung salah laku tadbir urus, malah akan meningkatkan keyakinan dan kepercayaan rakyat kepada kerajaan.

11. Rasuah bukan fenomena baru. Dokumen tertua menyentuh subjek rasuah ditemui terkandung dalam *Arthashastra*,<sup>6</sup> tulisan BC Kautilya di India, pada tahun 300 sebelum Masihi.<sup>7</sup> Kautilya, mengenal pasti 40 kaedah salah guna wang yang dilakukan oleh pegawai awam untuk kepentingan peribadi.<sup>8</sup> Ditemui dalam nota Kautilya catatan berikut:

*Just as it is impossible not to taste honey or the poison that finds itself at the tip of the tongue, so it is impossible for a government servant not to eat up, at least, a bit of the king's revenue. Just as a fish underwater cannot possibly be found out either as drinking or not drinking the water, so government work cannot be found out (while) taking money (for themselves).*

12. Di negara China, dinasti Qing pada tahun 220 sebelum Masihi mengenal pasti konsep rasuah dan mengenakan hukuman berat terhadap mereka yang melakukannya. Hakikat yang wajib direnungi dan difahami, godaan berunsur rasuah merupakan godaan pertama yang dihadapi oleh manusia pertama ciptaan Ilahi. Rasuah berjaya bertapak, apabila amanah dipinggirkan. Kealpaan pertama meminggirkan amanah, dikisahkan untuk dijadikan peringatan dan pengajaran dalam ayat 115 Surah Taha yang bermaksud:

*"Dan sesungguhnya telah Kami perintahkan kepada Adam dahulu, maka ia lupa (akan perintah itu), dan tidak Kami dapatinya kemauhan yang kuat"*  
(Surah Taha 20:115)

Perintah yang dimaksudkan terkandung dalam ayat 35 Surah al-Baqarah yang bermaksud:

*"Dan kami berfirman: Hai Adam, diamilah oleh kamu dan isterimu surga ini, dan makanlah makanannya yang banyak lagi baik di mana-mana sahaja yang kamu sukai, dan janganlah kamu dekati pohon ini, yang menyebabkan kamu termasuk orang yang zalim."*  
(Surah al-Baqarah 2:35)

13. Ketika Allah Subhanahu Wata'ala murka kepada Nabi Adam Alaihissalam kerana terpengaruh dengan godaan Iblis, Baginda berada dalam kesenangan syurga, dilimpahi nikmat yang dijamin oleh Ilahi seperti maksud yang terkandung dalam ayat 118 dan 119 Surah Taha:

*"Sesungguhnya kamu tidak akan kelaparan di dalamnya dan tidak akan bertelanjang. Dan sesungguhnya kamu tidak akan merasa dahaga dan tidak akan ditimpah panas matahari."*  
(Surah Taha 20:118-119)

14. Nabi Adam Alaihissalam terpedaya dengan godaan Iblis sedangkan Allah Subhanahu Wata'ala telah memberikan peringatan dalam ayat 117 Surah Taha bahawa "Iblis ialah musuh".<sup>9</sup> Baginda tertewas oleh janji palsu Iblis untuk memberikan kuasa, janji palsu "pengekalan kuasa", seperti yang terkandung dalam ayat 120 surah berkaitan yang bermaksud:

*"Kemudian syaitan membisikkan fikiran jahat kepadanya, dengan berkata: Wahai Adam! Mahukah aku menunjukkan kepada mu pohon khuldi dan kerajaan yang tidak akan binasa?"*  
(Surah Taha 20:120)

15. Betapa dinding ketahanan iman ditembusi kerana tarikan untuk mendapatkan kuasa. Nafsu yang gilakan kuasa nyata boleh menewaskan kewarasan akal. Pengukuran iman ialah benteng pertahanan yang wajib dibina untuk meningkatkan daya tahan insan tergelincir kerana tarikan kebendaan, tarikan kemewahan, serta tarikan pangkat dan tarikan jawatan. Insan wajib diperingatkan firma Allah yang terkandung dalam ayat 35 Surah Al-Anbiyyaa dan ayat 12-14 Surah al-Qiaamah yang bermaksud:

*"Tiap-tiap yang berjaya akan merasai mati. Kami akan menguji kamu dengan keburuan dan kebaikan sebagai cubaan (yang sebenarnya). Dan hanya kepada Kamilah kamu dikembalikan"*  
(Surah al-Anbiyya 21:35)

*"Pada hari itu, kepada Tuhan mu sahaja terserahnya ketetapan segala perkara. Pada hari itu, manusia diberitahu akan apa yang ia telah lakukan, dan apa yang dia telah tinggalkan. Bahkan manusia itu, (anggotanya) menjadi saksi terhadap dirinya sendiri"*  
(Surah al-Qiaamah 75:12-14)

16. Manusia hendaklah diinsafkan dengan kisah yang dijadikan pengajaran oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Iblis memilih untuk menyesatkan manusia melalui instrumen imbuhan berbentuk kuasa. Hari ini lebih ramai manusia yang telah disesatkan dengan imbuhan keduniawan berbentuk kuasa dan kekayaan. Manusia tanpa sedar, tanpa silu, tanpa malu, tanpa khuatir akan kebarangkalian telah tergelincir melakukan perbuatan berunsur syirik, kerana sanggup

<sup>5</sup> "What is corruption", <http://www.corruption.org/en/corruption/what-is-corruption>, pg 2.

<sup>6</sup> Subra K. Samanta, "Corruption, Religion and Economic Performance" dlm. OPEC Countries: An Analysis, *International Journal of Economics, Management and Accounting* 19, no. 2, 2011, hlm 188.

<sup>7</sup> Anis Yusal Yusoff, Sri Mruniati, Jenny Gryzelius, 2013. *Combating Corruption, Understanding Anti-Corruption, Understanding Anti-Corruption Initiatives in Malaysia*. Kuala Lumpur: IDEAS, him 18.

<sup>8</sup> Ibid <sup>9</sup> Al-Quran, Surah Taha 20:117.

mengabdikan diri menjadi hamba kepada wang, kuasa, pangkat dan jawatan. Manusia mula mendewakan manusia lain dan bersedia menghambakan diri, menggadai prinsip serta menjual maruah dan harga diri kepada manusia lain kerana wang, kuasa, pangkat dan jawatan. Diriwayatkan daripada Abu Hurairah:

"Aku pernah mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam bersabda yang bermaksud: Akan datang suatu zaman, umat manusia tidak lagi mempedulikan rezeki yang diterima olehnya, sama ada daripada sumber halal atau pun haram."<sup>10</sup>

17. Telah ada manusia yang sanggup bersekongkol dan bersubahat melakukan kemungkaran serta tergamak berbohong, kerana lupa bahawa punca rezeki, kuasa, pangkat dan jawatan datangnya daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Rezeki, kuasa, pangkat dan jawatan sebenarnya ialah anugerah dan juga ujian daripada Ilahi. Sedarilah! sumber kuasa yang diperoleh melalui sogokan belum terjamin dikembangkan dengan kesetiaan. Sifat sebenar insan akan terserlah ketika seseorang itu mendapat jawatan dan kuasa, betapa kata tidak lagi dikotakan, malah begitu cepat bertukar nada, berlainan irama, bersedia mengatakan yang hitam itu putih dan yang putih itu hitam. Watak sebenar insan akan terpamer apabila telah memiliki kekayaan dan harfa lalu lenyap budaya kesederhanaan dan merendah diri, di sebaliknya menjelma sifat sombong dan gelagat bongkok.

18. Manusia semakin lupa bahawa Allah ialah Tuhan Pemerintah sekalian alam yang Maha Berkuasa, memiliki kerajaan di atas segala kerajaan. Manusia semakin lupa sumber rezeki dan penghidupannya ditentukan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kerana itu umat Islam sewajibnya menghayati maksud yang terkandung dalam ayat 162, Surah al-An'am:

"Sesungguhnya solatku, ibadahku, hidupku dan matiku hanyalah untuk Allah Tuhan semesta alam"  
(Surah al-An'am 6:162).

19. Jadikan pekerjaan sebagai ibadah disempurnakan atas nama dan kerana Allah Subhanahu Wata'ala. Iblis telah berjaya menggelincirkan akidah manusia melalui instrumen kebendaan dunia berbentuk kuasa dan kemewahan, maka benteng pertahanan manusia hendaklah dibina berpayungkan naungan Ilahi. Kepercayaan kepada Tuhan ialah prinsip pertama Rukun Negara. Insan yang mempercayai Tuhan, menyedari setiap perkara, sama ada niat begitu juga perbuatan, sama ada dilakukan secara terbuka maupun secara tersembunyi, kesemuanya dalam pengetahuan Ilahi. Firman Allah dalam ayat 11, Surah ar-Rad turut memperingatkan:

"Bagi manusia ada malaikat yang selalunya menjaganya bergiliran, dari hadapan dan dari belakangnya. Mereka menjaganya atas perintah Allah. ..."  
(Surah Ar-Rad 13:11).

20. Profesor Emeritus Kamal Hassan menamakan 'Paradigma Kepimpinan Theosentrik' sebagai paradigma baharu berdasarkan model kepimpinan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam yang antaranya mengandungi ciri-ciri berikut:

Pertama: Berpegang teguh kepada pandangan alam tauhid (iaitu kepercayaan dan keyakinan bahawa Allah Tuhan Maha Esa, Tuhan yang sebenar, menguasai, mengatur, mengurus, menjaga, memerintah dan menentukan bahawa manusia sebagai hamba Nya harus menyerah dan tunduk kepada kehendak Nya).

Kedua: Mencari untuk mendapatkan keredaan Ilahi dan kesejahteraan abadi pada hari akhirat dalam syurga Allah Subhanahu Wata'ala.

Ketiga: Kesedaran tentang akauntabiliti secara langsung kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

21. Dalam usaha melaksanakan perjuangan murni, yakinlah dan percayalah kepada kebesaran kuasa Ilahi. Hadapilah cabaran dengan semangat gigih dan hadapilah ujian dengan hati yang cekal. Semaikan kesedaran dan bina kekuatan. Tumpukan usaha kepada tenaga muda yang masih belum rosak mindanya. Para aktivis yang terlibat dalam gerakan memerangi rasuah, hendaklah memiliki semangat kental, menyamai semangat para pemuda Ashabul Kahfi, kerana sifat gigih mereka mempertahankan iman meskipun menghadapi pemerintah yang zalim, Allah Subhanahu Wata'ala telah memberikan mereka perlindungan; mereka ditidurkan selama lebih 300 tahun, seperti yang diperihalkan dalam ayat 18 ke ayat 21 Surah al-Kahfi.

22. Dalam gerakan melakukan yang makruf dan menentang yang mungkar, jangan sama sekali berputus asa memohon petunjuk

dan kekuatan daripada Ilahi. Teruskan usaha dan teruskan berdoa memohon kemenangan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Berdoa itu merupakan sebahagian daripada ibadat yang disyariatkan Islam. Allah sangat suka hambaNya berdoa memohon dan mengharap kepada Nya. Orang yang senantiasa berdoa kepada Allah, menandakan orang itu menyedari kelemahan dirinya. Para pejuang yang mahu menegakkan kebenaran berlandaskan seruan Ilahi, hendaklah sentiasa melazimkan ibadah berdoa agar perjuangan mencapai kejayaan. Berpandukan fahaman, bahawa doa memiliki peranan istimewa dalam hidup insan. Beta telah menitahkan di negeri Perak, untuk dilengkapkan khutbah pada setiap solat Jumaat dengan dua doa berikut:

Pertama: Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan kianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

Kedua: Ya Malikul Mulk! Jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba-Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

23. Ketika menghadapi mudarat yang melanda negara akibat perlakuan rasuah, kita memerlukan lebih ramai para murabbi tampil ke hadapan secara berani menggemarkan mesej memerangi rasuah. Para murabbi berperanan amat penting untuk mendidik dan menyuruburkan kesedaran kerohanian dan moral. Para murabbi perlu menegaskan pentingnya ummah memiliki sifat-sifat ikhlas kerana ummah yang ikhlas itu, tidak akan dapat didampingi atau dipengaruhi oleh Iblis seperti yang tersurat dalam ayat 39 dan ayat 40 Surah al-Hijr yang bermaksud:

Iblis berkata, "Wahai Tuhanku, oleh sebab Engkau telah memutuskan bahawa aku sesat, (maka) aku akan menjadikan mereka memandang baik (perbuatan maksiat) di muka bumi dan aku akan menyesatkan mereka semuanya" "Kecuali hamba-Mu yang ikhlas (dibersihkan daripada sebarang syirk) dalam kalangan mereka"  
(Surah al-Hijr 15:39-40)

24. Melalui buku yang dihasilkan, Profesor Emeritus Kamal Hassan menyeru akan pentingnya dibina kekuatan dalam - kekuatan rohani untuk memerangi rasuah. Buku 'KORUPSI DAN KEMUNAFIKAN POLITIK MELAYU' tidak akan mencapai tujuannya jika sekadar ditulis, diterbitkan, dilancarkan, dibeli dan diedarkan. Buku ini perlu dikembangkan dengan usaha bersungguh, berterusan dan berskala besar, menyampaikan mesej bahaya rasuah dan pentingnya rasuah dihapuskan, serta menyebarkan mesej pentingnya tanggungjawab diamanahkan kepada orang yang bebas daripada rasuah. Kandungan buku ini amat perlu disebarluaskan mesejnya ke setiap kota, mukim dan desa, dalam bahasa yang mudah difahami oleh masyarakat biasa yang tidak berpendidikan tinggi.

25. Beta menzahirkan penghargaan kepada Profesor Emeritus Tan Sri M. Kamal Hassan yang telah memenuhi satu tuntutan fardhu kifayah, menghasilkan 'KORUPSI DAN KEMUNAFIKAN DALAM POLITIK MELAYU', juga dizahirkan penghargaan kepada penerbit, Emir Research dan kepada Dato' Hussamuddin Haji Yaacub serta rakan-rakan Rasuah Busters.

26. Ya Allah! Ya Rabbulalamin! Peliharalah negara yang telah Engkau kurniakan kepada kami ini daripada kemasuhan kerana perlakuan rasuah, dan berpandukan hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam yang diriwayatkan oleh Abu Daud yang bermaksud, "Jikalau Allah menginginkan supaya sesuatu bangsa itu sejahtera, maka Allah akan memberi bangsa itu pemimpin yang baik"; kami pohonkan kepada Mu Ya Allah, kurniai kami pemimpin yang baik, pemimpin yang amanah, jujur dan ikhlas.

27. Dengan kalimah Bismillahi Rahmani Rahim, Beta melancarkan buku tulisan M. Kamal Hassan, 'KORUPSI DAN KEMUNAFIKAN DALAM POLITIK MELAYU; PERLUNYA DISEGERAKAN TRANSFORMASI MORAL ETIKA'.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَا  
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ



# MAJLIS TUAIAN PERTAMA TANAMAN PERTANIAN HIDROPONIK MAIPk

**IPOH, 9 September 2022** - Projek tanaman pertanian hidroponik MAIPk berjaya dibangunkan dengan hasil tuaian tanaman sayur-sayuran seperti bayam, kailan, pak choy, sawi dan salad. Majlis tuaian pertama tanaman hidroponik telah disempurnakan Yang Dipertua MAIPk, Tan Sri Mohd Annuar bin Zaini di laman hidroponik Kompleks Islam Darul Ridzuan. Melalui kaedah tanaman hidroponik dapat menyumbang dan mempromosi kelestarian sumber makanan serta memupuk minat masyarakat dalam bidang pertanian.

Selain itu, ia membantu mengurangkan kos sara hidup serta boleh dijadikan hobi bersama keluarga atau komuniti di samping berpeluang mendapatkan sumber makanan yang sihat. Sebagai permulaan, kira-kira 70 set tanaman hidroponik dituai diagihkan kepada pekhidmat MAIPk. Turut hadir pada majlis ini Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) MAIPk, Puan Hajah Wan Maizura binti Haji Wan Zahari, Pengurus Bank Islam Ipoh, Encik Hasnul Hadi bin Ahmad serta pegawai-pegawai MAIPk.





**Wadah**

MAIPk

Edisi Ketiga 2022 • Bil. Ke-43

# PROGRAM ZIARAH ASNAF

MAIPk sentiasa prihatin dan proaktif menyantuni asnaf daripada masa ke masa. Program ini juga disokong dengan siri program jejak asnaf serta akan digiatkan ke setiap daerah di negeri Perak. MAIPk sentiasa berusaha membela nasib para asnaf dan memastikan tiada yang ketinggalan.

## DAERAH LENGGONG 14 SEPTEMBER 2022



Ziarah asnaf diketuai oleh Orang Besar Jajahan Hulu Perak, YDH Toh Muda Orang Kaya Kaya Seri Adika Raja Shahbandar Muda, Dato' Ar. LA Meor Roslan bin Dato' Seri Haji Meor Ahmad Rashidi. Turut serta Pegawai Baitulmal Daerah Lenggong, Encik Ariefullah bin Mashudi, penghulu-penghulu mukim daerah Lenggong. Program ziarah telah menyantuni enam keluarga asnaf di sekitar kawasan Kg. Gelok, Kg. Banggol Batu, Kg. Chepor, Kg.Chepor, Kg. Kota Tampan dan Kg. Changkat Berangan.



## **SERI ISKANDAR 8 DISEMBER 2022**

Ziarah asnaf dikenai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) MAIPk, Puan Hajah Wan Maizura binti Haji Wan Zahari. Turut serta Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat, Encik Rohizan bin Haji Omar, Pegawai Baitulmal Daerah Seri Iskandar, Encik Ahmad Nazri bin Hassan serta 15 orang pegawai dan pekhidmat daripada bahagian agihan zakat MAIPk. Lima buah rumah telah diziarahi di sekitar kawasan Belanja Kanan, Taman Sri Indah, Kg Chopin, dan Batu 4 Parit.





**Wadah**

MAIPk

Edisi Ketiga 2022 • Bil. Ke-43

# SESI PERCAMBAHAN MINDA INOVASI PERTANIAN ANGGOTA MAIPk, **YDH TOH MAHARAJA INDERA DR. KHAIRIL ANUAR BIN ARSHAD BERSAMA BELIA**

**IPOH, 1 Oktober 2022** - MAIPk menganjurkan sesi percambahan minda inovasi pertanian anggota MAIPk, YDH Toh Maharaja Indera Dr. Khairil Anuar bin Arshad bersama belia di tingkat 2, Kompleks Islam Darul Ridzuan. YDH Toh Maharaja Indera Dr. Khairil Anuar telah menyampaikan ilmu pertanian kepada para peserta di kalangan belia negeri Perak. Hal ini merupakan satu usaha menyahut titah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak supaya para belia hendaklah menawarkan diri, menawarkan pimpinan, membangunkan program briged muda petani moden dalam menyediakan tenaga belia dalam menangani isu keselamatan makanan. Semoga penglibatan golongan belia menyertai sektor pertanian dapat meningkatkan jaminan bekalan dalam negara serta mengurangkan kadar kebergantungan import makanan negara.



# SIMPOSIUM TANAH WAKAF DAN BAITULMAL MAIPK



**KUALA LUMPUR, 5-7 Disember 2022** - Simposium Tanah Wakaf dan Baitulmal (STWB) negeri Perak dianjurkan oleh Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Mal dan Wakaf MAIPk di Corus Hotel, Kuala Lumpur. STWB dihadiri oleh Timbalan Mufti negeri Perak, YBhg. Dato' Zamri bin Hashim, Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Tuan Shahrul Azam bin Shaari, Pengarah Tanah dan Galian negeri Perak, YBhg. Dato' Mohamad Fariz bin Mohd Hanip, Pengarah Bahagian Pengurusan dan Perundungan Tanah negeri Perak, Puan Siti Rakna Syafidah binti Mohd Izharii, Pengarah Bahagian Perancang Wilayah (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa), Encik Jaiya bin Abu, Yang Dipertua Majlis-Majlis Daerah, Pegawai Daerah dan Pegawai Baitulmal Daerah.

Objektif STWB :

- Memberi pendedahan, penjelasan serta kefahaman kepada ahli-ahli STWB berhubung hukum syarak yang berkait rapat dengan wakaf dan baitulmal serta perundungan Kanun Tanah Negara.
- Membincangkan penyelesaian bagi setiap isu yang dibangkitkan oleh MAIPk melibatkan status permohonan tanah, pertindihan keluasan tanah, pengurangan keluasan, pengukuran tanah, pendaftaran tanah dan pengambilan tanah.
- Membina serta membentuk jaringan dalam kalangan ahli-ahli yang hadir supaya urusan untuk menyelesaikan isu-isu berbangkit yang melibatkan tanah-tanah wakaf dan baitulmal dapat diselesaikan dengan kadar segera.

Terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan STWB. Semoga usaha memperkasa wakaf terus subur serta meningkatkan ekonomi umat Islam di negeri Perak.



# BANTUAN-BANTUAN MAIPk

Dalam menanggung amanah zakat, MAIPk telah mengagihkan zakat secara sistematik dan berintegriti. Bahagian Agihan Zakat MAIPk sentiasa berusaha mengagihkan dana zakat secara efisien dan efektif supaya hak-hak para asnaf terbela. Pelbagai skim agihan telah dilaksanakan bagi memenuhi keperluan utama golongan fakir dan miskin.



# Wadah

MAIPK

Edisi Ketiga 2022 • Bil. Ke-43

15



# KERATAN AKHBAR MAIPk



Kursus Asas Pengendalian Dron untuk bella masjid

MENTRI AGAMA: Sultan Nazrin Muizzaddin Shah berkemasan berkenan menerima seramai 14 orang belia asraf Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) yang diluluskan dalam kursus asas pengendalian dron antarabangsa pada 27 Oktober 2022 di Terengganu Islamic Centre. Sultan Nazrin bersama Ahli Jawatankuasa Syarah Bank Muhibah, Dr. Fazilah Bawadi (ketiga dari kanan), ketika menyampaikan hadiah kepada pelajar.

MULAIKAN: Guru Besar, Prof. Dato' Dr. Mohd. Kamarul Hishamuddin dan ahli jawatankuasa Syarah Bank Muhibah, Dr. Fazilah Bawadi (ketiga dari kanan) bersama sebilangan ahli Jawatankuasa Syarah Bank Muhibah, menghadiri sambutan pelancaran Program Pengendalian Dron Antarabangsa di Terengganu Islamic Centre pada Sabtu lalu. Kursus ini merupakan hasil kerjasama antara Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak dengan TWI Technology (S.E.Asia) dan Pengurusan Unit Pemerkasaan Asraf MAIPk.

## Nasional

### Sultan Nazrin berkenan terima zakat perniagaan, wakaf

SULTAN Nazrin Sultan Perak, Sultan Mizan Zainal Abidin, berkenan menerima sumbangan zakat perniagaan dan wakaf daripada seorang individu yang berasal dari negeri Selangor. Pada hari ini, Sultan Nazrin menerima sumbangan wakaf bernilai RM20,000 daripada pengusaha Selangor yang bekerja dalam industri teknologi maklumat dan komunikasi (IT&CT). Sultan Nazrin turut menerima sumbangan zakat perniagaan bernilai RM5,100 daripada Teluk Intan Raja Azlan Shah (TIRAS) dan Ahli Majlis Persekutuan Kelantan (APKK). Selain itu, Sultan Nazrin menerima sumbangan wakaf bernilai RM10,000 daripada YBhg. Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Annuar Musa dan perwakilannya, Pengerusi Unit Pemerkasaan Asraf MAIPk, Dr. Fazilah Bawadi.



Sultan Nazrin menerima sumbangan zakat perniagaan dan wakaf daripada seorang individu yang berasal dari negeri Selangor.

## Dalam Negeri

### 'Saya malu berjalan semula'

MAIPk bantu wanita hidap penyakit kaki gajah

SULTAN Nazrin Sultan Perak berkenan memberikan sumbangan senilai RM500 untuk membantu seorang wanita yang mengidap penyakit kaki gajah. Wanita berumur 39 tahun itu, Rosma, warganegara Thailand yang berlakukur di Kuala Lumpur, mengidap penyakit kaki gajah yang diperolehnya sejak lima tahun yang silam. Beliau yang tidak mempunyai pendapatan tetap, perlu berjalan kaki ke seluruh kota mencari hidup. Sultan Nazrin turut memberikan sumbangan senilai RM500.

## 26 NEGERI | PRU-MALAYSIA BERINTEGRITI TERENGGANU • SELANGOR & PERLIS

### Sultan Perak berkenan terima serahan zakat perniagaan RM5.1 juta



Sultan Nazrin (dua dari kiri) menerima zakat perniagaan daripada TNG yang diwakili Hassan Arifin (di tengah) di Iman Changkat Persekutuan, Kuala Lumpur pada Rabu.

## NEGERI | PRU-MALAYSIA BERINTEGRITI TERENGGANU • SELANGOR

### Bantu ubah taraf hidup asnaf

IPOH - Seramai 14 orang belia asraf Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) dipilih mengikuti Kursus Kimpalan Antarabangsa dalam usaha membantu golongan terbabat membina taraf hidup yang lebih baik.

Menurut MAIPk, Skim Latihan Kemahiran Asraf MAIPk yang diluluskan merupakan program Teknikal Kompetensi Bella Asraf bertujuan melahirkan belia yang berkemahiran dalam bidang kimpalan agar memenuhi permintaan industri kini.

Jelasnya, ia juga memberikan peluang kerjaya yang lebih baik dengan adanya peluang antarabangsa.

"Mereka menjalani kursus yang dikendalikan oleh TWI Technology (S.E.Asia), Shah Alam, Selangor selama empat bulan bermula 17 Oktober 2022 hingga Februari 2023.



Belia asraf yang mengikuti kursus kimpalan antarabangsa di TWI Technology (S.E.Asia) di Shah Alam, Selangor bersama Pengurusan Unit Pemerkasaan Asraf MAIPk, Nor Fazilah Bawadi (kanan) ketika sesi lawatan.

"Pelatih juga berkesempatan untuk bekerja sebagai pemeriksa kimpalan, juruteknik dalam loji, pembantu jurutera, pengimipal dalam air termasuk juga dalam bidang minyak dan gas di darat dan di laut pesiaran pantai," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Khamis.

Tambah MAIPk, pelatih akan memperoleh Sejoli CSWIP 3.0 (United Kingdom), Lesser Oil and Gas Safety Passport (OGSP), Kad Hijau (CIDB) dan jaminan pekerjaan dalam bidang kimpalan.

"Dengan adanya kursus-kursus kemahiran ini dapat membantu belia asnaf keluar daripada kepompong kesusaahan, dan membantu ibu bapa yang selama ini bersusah payah membesarikkan mereka.

"Pelatih juga dapat berbakti kepada masyarakat serta menjadi penyumbang kepada kemajuan negara," katanya.

Foto: Ihsan Media

ROHAMS 27 OKTOBER 2022 • SINAR HARIAN

KUALA LUMPUR – Sultan Perak Sultan Mizan Zainuddin Shah berkenan menerima bayaran zakat perniagaan dan wakaf berjumlah RM5.1 juta dari padua syuruk korporat kepada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) di Iman Changkat Persekutuan di sini pada Rabu.

Tengku Nasional Berhad (TNB) yang diwakili Pengurusinya, Datuk Seri Hasan Arifin meryerahkan zakat perniagaan teriring dengan jumlah bayaran RM3.37 juta, diikuti Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) yang diwakili Ahli Jawatankuasa Syarah BPMB, Lokman Hakim Hussain dengan jumlah zakat perniagaan RM507,550.

Sementara itu, Maybank

Islamic Berhad turut memberikan zakat perniagaan berjumlah RM398,652 menerusi Ahli Jawatankuasa Syarah Maybank Islamik Berhad, Muhammad Ali Jiwah Ahmad.

Baginda turut menerima sejumlah zakat daripada CIMB Islamic Berhad berjumlah RM350,000 yang disampaikan Ketua Serantau, Sektor Awam Kunjungan CIMB, Zainul Zain Hashim.

Selain itu, Agrobank juga turut memberikan serahan zakat perniagaan berjumlah RM243,576, menerusi Ketua Pegawai Eksekutif, Tengku Ahmad Badri Shah Raja Husain, diikuti Telekom Malaysia Berhad diwakili oleh Pengurusan Besar-jurutera, Badru Hashim Bahru dengan jumlah zakat perniagaan RM228,957.

Syarikat Takrif Malaysia Keluarga Berhad pun membuat sumbangan Wakaf Tunas berjumlah RM100,000 yang diterahankan Ketua Pegawai Eksekutif Takrif Malaysia Am Berhad, Mohamed Sabri Ramli.

Hadi sama pada pagi berkenaan ialah Orang Kaya Berbadan, Seri Mahkota Tan Sri Dr. Mohd Zahidi Zamzuddin, Orang Kaya Kaya Seri Adik Raja Shahbandar Muadz, Datuk Seri Mohammad Othman Zainal Aziz, Yang Dipertua MAIPk, Tan Sri Mohd Annuar Zaini Anggola MAIPk, Professor Datuk Dr Ansari Ahmed, Datuk Mohd Yusop Hussain dan Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Shahruddin Azam Shaar.



Sultan Nazrin (kanan) menerima hadiah bayaran zakat perniagaan dan pendapatan berjumlah RM2.98 juta kepada Mohd Annuar selepas majlis berkenaan di Istana Changkat Persekutuan pada Selasa.

## MAIPk terima zakat perniagaan RM2.98 juta

**KUALA LUMPUR** - Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan menerima bayaran zakat perniagaan dan pendapatan berjumlah RM2.98 juta daripada empat syarikat korporat kepada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) di Istana Changkat Persekutuan di sini pada Selasa.

Bank Simpanan Nasional (BSN) merupakan zakat perniagaan dengan pendapatan tertinggi iaitu RM2.31 juta yang diserahkan oleh Ketua Pegawai Perniagaan BSN, Mujiburrahman Abd

Rashid.

Ia diikuti Affin Islamic Bank Berhad diwakili Pengurusan Affin Islamic Bank Berhad, Mutu Abdul Malek dengan jumlah zakat perniagaan RM325,000.

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) turut menunaikan zakat perniagaannya berjumlah RM227,872.84 yang diserahkan oleh Pengurusan Jawatankuasa Perhubungan Angkasa Negeri Perak, Mohd. Rosli Basri.

Turut menunaikan zakat perniagaan adalah Syarikat Takaful Malaysia Kelurga

Berhad dan Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad dengan jumlah RM124,249.47 yang diserahkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Takaful Malaysia Kelurga Berhad, Nor Azman Zarith.

Hadir sama ialah Orang Kaya Bendahara Seni Mahajaya, Tan Sri Dr Mohd Zahid Zainuddin; Orang Kaya Kaya Sen Adik Raja Shahbandar Muda, Datuk Sen Mohamed Othman Zainal Azim; Yang Dipertua MAIPk, Tan Sri Mohd Annuar Zaini; Anggota MAIPk, Prof Datuk Dr Ansary Ahmed,

## 32 Komuniti Kita!

Kosmo! RABU 7 DISEMBER 2022



SEBANYAK 30 belia asnaf yang terpilih menyertai Skim Latihan Keusahawanan Asnaf, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak meneroka sijil masing-masing pada Majlis Penyampaian Sijil Kursus Dandaran Rambut di Kampar, Perak baru-baru ini.

Hantarkan gambar aktiviti bersama keterangan ke [utusannews@mediamulia.com.my](mailto:utusannews@mediamulia.com.my)

UTUSAN MALAYSIA  
RABU + 26 OKTOBER 2022

## Komuniti Kita

33



### Latihan keusahawanan

SERAMAI 20 peserta program latihan keusahawanan asnaf Kursus Refleksologi dan Urutan Mobile, Program Pemeriksaan Ekonomi Asnaf Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) menerima kit permutlakaan di Ipoh, Perak, baru-

baru ini.

Kursus itu bertujuan melahirkan juruterapi berkemahiran dan berkualiti dalam teknik urutan refleksologi secara mobile.

Para peserta dilatih kaedah pengurusan kewangan dan

penggunaan aplikasi digital supaya perniagaan yang dijalankan mereka sentiasa memepati keperluan serta kehendak pelanggan.

Para peserta yang menjalankan perniagaan dan memberikan perkhidmatan

kepada masyarakat bagi menjana pendapatan untuk menampung keperluan sara hidup keluarga, dipantau serta dibimbang syarikat penyedia latihan selama empat bulan supaya kesewaan teknik dan ilmu yang dipelajari digunakan sebaik mungkin.

■ PARA peserta yang mengikuti latihan keusahawanan asnaf Kursus Refleksologi dan Urutan Mobile Program Pemeriksaan Ekonomi Asnaf MAIPk di Ipoh, Perak, baru-baru ini. - IHSAN MAIPk



**Oleh Mohd Yakop Ikram**  
Penolong Pengurus  
Bahagian Perhubungan  
Korporat, MAIPK

Kosmo! ISNIN 29 OGOS 2022

Negara!

11

## Ramai berkemampuan, tapi masih culas bayar zakat

**SAUDARA PENGARANG,**

**INSTITUSI** zakat sememangnya penting dan menjadi antara badan yang berada di barisan hadapan, bergerak membantu dan menyantuni rakyat yang terjejas semasa kumpulan berkenaan memerlukan.

Ketika pandemik Covid-19, institusi zakat di seluruh negara telah menyalurkan bantuan hampir RM200 juta kepada asnaf dan golongan yang terkesan.

Di negeri Perak sahaja, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) telah mengagihkan zakat mencécah RM20 juta khusus kepada mereka yang terdesak dan

sangat memerlukan.

Wang zakat yang diagihkan oleh MAIPk kepada asnaf yang berhak, datangnya daripada kutipan zakat harta, iaitu zakat pendapatan, zakat simpanan, zakat perniagaan, zakat tanaman, zakat pelaburan, zakat KWSP dan lain-lain lagi.

Pada tahun 2021, 95 peratus atau RM187 juta kutipan zakat di negeri Perak datangnya daripada zakat harta, hanya 5 peratus atau RM10 juta hasil kutipan daripada zakat fitrah.

Pada masa ini, daripada 400,000 orang Islam di negeri Perak yang berada dalam kategori yang berkeupayaan membayar zakat harta, hanya 80,000 orang atau 20 peratus

yang membayar zakat harta mereka di MAIPk.

Kedua-dua ini menunjukkan kesedaran dan pengetahuan tentang kewajipan membayar zakat harta masih rendah dalam kalangan rakyat. Angka kutipan dan bayaran zakat boleh dianggap sebagai petunjuk pencapaian ekonomi umat Islam.

Semakin tinggi tahap pendapatan masyarakat muslim dalam sesebuah negara, sepatutnya semakin banyak hasil kutipan zakat diperoleh untuk diagih dan dimanfaatkan kepada ahli masyarakat yang memerlukan.

**MOHD YAKOP IKRAM,**  
Ipoh, Perak



UMAT Islam yang berkemampuan diwajibkan membayar zakat bagi membantu golongan lain yang memerlukan.

40

27 NOVEMBER 2022 BH AHAD

**PERSPEKTIF AGAMA**

## Zakat, sedekah jamin keselamatan daripada neraka

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk)

**Oleh Mohd Yakop Ikram**

**Tidak** sesiapa dapat memberikan jaminan keselamatan daripada azab neraka melainkan Allah SWT. Justeru, antara amalan melaysukan kita mendapat pertolongan-Nya ialah berzakat.

Firman Allah SWT: "Ambillah sebahagian harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya etikau membersihkan mereka (daripada dosa) dan menyucikan mereka (daripada akhlak buruk) dan dosakanlah untuk mereka. Kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan ingatlah Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengertahui-Nya." (At-Taubah: 103)

Zakat bermatlamat mewujudkan keseimbangan sosial melalui kutipan sebahagian harta golongan berkemampuan untuk diagihkan kepada mereka memerlukan. Memunaikan zakat dan membelanjakan harta untuk tujuan kemaslahatan akan digantikan dengan nikmat lebih baik.

**Zakat tak akan sebaiknya kita miskin**  
Memunaikan zakat tidak akan menyebabkan seseorang menjadi miskin atau hartanya berkurang kerata ibadat zakat mengundang keberkatan, iaitu konfirmasi tidak dapat dilihat atau disentuh tetapi dapat dirasai serta dinikmati kesannya dalam kehidupan sehari-hari.

Allah SWT meluaskan rezeki dan

memberikan keberkatan kepada ham-ba-Nya dalam pelbagai cara. Malah, bukan sahaja mendapat keberkatan di dunia, bahkan kebahagiaan di akhirat.

Dalam meninggung amanah zakat, majlis agama Islam negeri dan lembaga zakat sentiasa berusaha menyampaikan ilmu serta kefahaman agar ibadat itu dapat ditunaikan dengan betul dan sempurna.

Melalui pengurusan kutipan zakat di setiap negeri sabah tahun berusaha meningkatkan sebaran promosi dan dakwah kewajipan berzakat kepada masyarakat supaya dapat memusatkan seluruh bayaran zakat orang ramai secara sistematis dan berintegriti.

Dalam operasi agihan puja, ia sen-

tiasa berusaha mengagihkan wang zakat ini secara efisien dan efektif supaya hak asnaf terjamin. Pelbagai skim agihan dilaksanakan memenuhi keperluan utama golongan fakir dan miskin.

Umat Islam layak membayar cukai pendapatan amat dituntut memunaikan zakat pendapatan. Dalam kalangan berpendapatan tetap, gunakan kemudahan menukar zakat melalui potongan gaji berjedual.


Jangan pernah berasa rugi ketika memunaikan zakat dan jangan pernah sesekali melupakan ibadat itu kerana ia sebesar-besarnya amalan harta dan sebaik-baik jalur menuju kepada kebaikan dan rahmat daripada-Nya.



## Ringkasan prestasi kutipan dan agihan zakat Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak'

### Tahukah Anda?

Lebih RM1 bilion telah dimanfaatkan bagi pelaksanaan program-program pembangunan dan pemerkasaan asnaf melalui pelbagai skim di negeri Perak sejak tahun (2017-2022)



\*2021 belum diaudit

\*\*2022 sehingga September 2022

Jumlah kutipan zakat

Jumlah agihan zakat

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak merakam setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada para pembayar zakat atas segala sokongan serta kerjasama yang telah diberikan melalui pembayaran zakat setiap tahun kepada MAIPk.

Semarakkan bulan Disember ini sebagai bulan untuk anda berzakat, di samping menikmati rebat cukai 100% sebelum 31 Disember 2022.



#### Saluran Pembayaran Kaunter

- » 19 Kaunter pejabat MAIPk seluruh Negeri Perak
- » Amil Harta
- » Amil Profesional
- » Perunding Zakat
- » Amil Firma Akaun / Audit Bertauliah
- » Kaunter Pos Malaysia



#### Portal Pendaftaran e-Potongan Zakat Berjadual (e-PZB)

» [epzb.maiamp.gov.my](https://epzb.maiamp.gov.my)

» Tel: 05-2084089



#### Potongan Secara Bulanan (Auto-Debit)

- » InfaqPay <https://infaqpay.my/go/zakatmaipk>

*Nikmati!*

**REBAT CUKAI 100%**  
**SEBELUM 31 DISEMBER 2022**

#### SALURAN BAYARAN ONLINE ZAKAT MAIPK:




<https://ezakat.maiamp.gov.my>  
POTONGAN GAJI ONLINE  
<https://epzb.maiamp.gov.my>  
Tel : 05 - 208 4089



<https://senangzakat.my/?id=MAIPk>



<https://infaqpay.my/go/zakatmaipk>



Terima kasih pembayar zakat, amanah anda kami sempurnakan



# Wadah

MAIPk  
Edisi Ketiga 2022 • Bil. Ke-43



## LEBIH 350,000 PENERIMA BANTUAN ZAKAT TAHUN 2020 DAN 2021 **MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK**

**Amanah Anda Tanggungjawab Kami**



**Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) komited memastikan golongan asnaf yang berhak menerima zakat dibantu sebaiknya. MAIPk menyempurnakan amanah serta tanggungjawab mengutip dan mengagih zakat membangunkan kemajuan ekonomi dan sosial umat Islam di negeri Perak.**